

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**www.gaexcellence.com/ijmoe**PERANAN KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM
PEMBELAJARAN ILMU AGAMA: ANALISIS
KONSEPTUAL, CABARAN EPISTEMOLOGI DAN
KERANGKA ETIKA MAQASID SYARIAH***THE ROLE OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) IN THE LEARNING OF
RELIGIOUS KNOWLEDGE: CONCEPTUAL ANALYSIS,
EPISTEMOLOGICAL CHALLENGES AND THE MAQASID SYARIAH
ETHICAL FRAMEWORK*

Siti Aisyah Yusof¹, Muhammad Saiful Islami Mohd Taher^{2*}, Ahmad Yumni Abu Bakar³,
Daing Maruak Sadek⁴, Mohd Shamsul Hakim Abd Samad⁵

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia

 aisyah421@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0006-8599-4930>

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia

 msaiful0860@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0008-6668-1810>

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia

 yumni705@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0007-7926-1076>

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia

 daing729@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-1249-5085>

⁵Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

 shamsul@usim.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0008-0951-1399>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 03.08.2026

Revised date: 27.08.2026

Accepted date: 06.09.2026

Published date: 21.09.2026

Abstrak:

Perkembangan kecerdasan buatan (AI) khususnya AI generatif telah membuka peluang baharu dalam pembelajaran ilmu agama termasuk pencarian maklumat, pembelajaran diperibadikan, latihan bahasa Arab dan sokongan pembelajaran al-Quran. Namun demikian, penggunaan AI dalam konteks ini turut menimbulkan persoalan berkaitan kesahihan maklumat, autoriti keilmuan, adab menuntut ilmu, usaha intelektual dan

To cite this document:

Yusof, S. A., Taher, M. S. I. M., Bakar, A. Y. A., Sadek, D. M., & Samad, M. S. H. A. (2026). Peranan Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Pembelajaran Ilmu Agama: Analisis Konseptual, Cabaran Epistemologi Dan Kerangka Etika Maqasid Syariah. *International Journal of Modern Education*, 8(31), 1052-1066.

hubungan guru-pelajar. Walaupun kajian terdahulu telah membincangkan manfaat, cabaran dan etika AI dalam pendidikan, perbincangan mengenai hubungan antara epistemologi ilmu agama, etika AI dan Maqasid Syariah masih belum disepadukan secara khusus dalam satu kerangka pembelajaran ilmu agama. Justeru, artikel ini bertujuan menganalisis peranan AI dalam pembelajaran ilmu agama, mengenal pasti cabaran epistemologi dan pendidikan yang berkaitan dengan penggunaannya, serta membangunkan kerangka etika berasaskan Maqasid Syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen terhadap karya asas pendidikan Islam, artikel jurnal, tesis dan dokumen institusi yang berkaitan dengan AI dalam pendidikan, pendidikan Islam, pembelajaran al-Quran dan etika AI. Analisis dilakukan secara tematik berdasarkan empat tema utama iaitu fungsi AI sebagai alat pembelajaran, cabaran epistemologi dan kebergantungan, kedudukan guru serta adab keilmuan, dan prinsip etika berasaskan Maqasid Syariah. Dapatan menunjukkan bahawa AI berpotensi berfungsi sebagai wasilah yang menyokong pembelajaran tetapi tidak wajar ditempatkan sebagai sumber autoritatif dalam penetapan hukum dan fatwa atau sebagai pengganti guru. Artikel ini mencadangkan empat prinsip etika iaitu keadilan dan akauntabiliti, tabayun dan pengesahan sumber, perlindungan privasi serta pemeliharaan maruah dan agensi manusia. Sumbangan utama artikel ialah penyepaduan dimensi etika AI, epistemologi ilmu agama dan Maqasid Syariah bagi memelihara autoriti keilmuan, usaha intelektual dan hubungan manusia dalam pendidikan agama.

DOI: 10.35631/IJMOE.831060

Kata Kunci:

Epistemologi; Etika AI; Kecerdasan Buatan; Maqasid Syariah; Pembelajaran Ilmu Agama; Pendidikan Islam

Abstract:

The development of artificial intelligence (AI) particularly generative AI has created new opportunities for religious learning including information retrieval, personalized learning, Arabic language practice and Qur'an learning support. However, its use in this context also raises concerns regarding information accuracy, scholarly authority, learning ethics, intellectual effort and teacher-student relationships. Although previous studies have examined the benefits, challenges and ethical dimensions of AI in education, the relationship between religious epistemology, AI ethics and Maqasid Syariah has yet to be sufficiently integrated into a specific framework for religious learning. Therefore, this article aims to analyse the role of AI in religious learning, identify the epistemological and educational challenges associated with its use and develop an ethical framework informed by Maqasid Syariah. The study adopts a qualitative approach through document analysis of foundational works on Islamic education, journal articles, theses and institutional documents related to AI in education, Islamic education, Qur'an learning and AI ethics. The materials were analysed thematically based on four main themes: AI as a learning tool, epistemological challenges and dependency, the role of teachers and learning ethics, and ethical principles informed by Maqasid Syariah. The findings indicate that AI can function as a wasilah that supports learning but it should not be regarded as an authoritative source for determining religious rulings and fatwas or as a substitute for teachers. The article proposes four ethical principles: justice and accountability, tabayun and source verification, privacy protection and the preservation

of human dignity and agency. The main contribution of this article lies in integrating AI ethics, religious epistemology and Maqasid Syariah into a conceptual framework that seeks to preserve scholarly authority, intellectual effort and human relationships in religious education.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keyword:

AI Ethics; Artificial Intelligence; Epistemology; Islamic Education; Maqasid Syariah; Religious Learning

Pendahuluan

Kecerdasan buatan (AI) semakin menjadi sebahagian daripada rutin pembelajaran. Pelajar menggunakannya untuk mendapatkan penerangan, merumuskan bahan bacaan, menjana dan menjawab soalan latihan, menyemak bahasa dan mencari idea untuk tugas. Perkembangan model bahasa generatif menjadikan proses ini lebih mudah kerana pelajar boleh berinteraksi dengan sistem AI melalui bahasa biasa. Dalam pendidikan secara umum, AI berpotensi menyokong pembelajaran yang lebih diperibadikan (*personalized learning*), menghasilkan bahan pengajaran dan mempercepatkan maklum balas. Namun, manfaat tersebut perlu disertai kefahaman yang jelas tentang batas teknologi dan keperluan pengawasan manusia (Kasneci et al., 2023).

Dalam pembelajaran ilmu agama, persoalannya lebih luas kerana pendidikan bukan sekadar penyampaian maklumat. Pembelajaran Islam turut berkait dengan adab, cara berfikir, sikap terhadap ilmu dan hubungan antara guru dengan pelajar. Al-Attas (1995) menekankan hubungan pendidikan dengan pembentukan adab manakala Wan Daud (2003) menghuraikan gagasan pendidikan al-Attas tentang pembentukan insan beradab. Oleh itu, penggunaan AI perlu dinilai bukan hanya berdasarkan kecekapan teknikal tetapi juga berdasarkan tujuan, adab dan nilai pendidikan.

Pada masa yang sama, tidak wajar juga melihat AI semata-mata sebagai ancaman. Kajian tentang AI dalam pendidikan Islam menunjukkan bahawa teknologi ini boleh memperluas akses kepada bahan pembelajaran, menyokong pembelajaran sendiri dan membantu pelajar berinteraksi dengan kandungan agama dalam bentuk yang lebih fleksibel (Amilusholihah & Ramadhan, 2025; Muchlis, 2025). Dalam pembelajaran al-Quran, perkembangan aplikasi berasaskan pengecaman suara turut membuka ruang kepada latihan sebutan dan tajwid dengan maklum balas segera (Birgün, 2026; Rahman & Zulkifli, 2025).

Namun demikian, kemudahan mendapatkan jawapan tidak semestinya bermaksud pelajar memperoleh ilmu yang sahih. Model bahasa boleh menghasilkan jawapan yang kelihatan meyakinkan tetapi mungkin tidak tepat. Dalam pendidikan, isu ini berkait dengan bias, keperluan semakan fakta, privasi dan kebergantungan kepada teknologi (Kasneci et al., 2023; Miao et al., 2021). Bagi ilmu agama, kesilapan kecil pada teks al-Quran, hadis, istilah fiqh atau nisbah sesuatu pandangan kepada ulama boleh memberi kesan yang lebih serius kerana maklumat tersebut mungkin diterima sebagai ajaran agama.

Walaupun literatur sedia ada telah membincangkan manfaat, cabaran dan etika AI dalam pendidikan Islam, perbincangan tersebut masih cenderung bergerak secara berasingan mengikut konteks teknologi, pembelajaran al-Quran, pendidikan hadis atau pertimbangan umum Maqasid Syariah. Berdasarkan literatur yang diteliti, isu epistemologi tentang bagaimana kesahihan pengetahuan agama ditentukan melalui sumber, autoriti dan proses tabayun masih belum disepadukan secara mencukupi dengan persoalan etika penggunaan AI dalam konteks pembelajaran agama. Begitu juga, peranan guru, usaha intelektual pelajar, privasi dan agensi manusia sering dibincangkan sebagai isu yang berasingan.

Jurang tersebut membentuk asas kebaruan konseptual artikel ini. Sumbangan utama artikel bukan sekadar mengulang seruan supaya AI digunakan secara “bertanggungjawab”, tetapi menyepadukan tiga dimensi yang saling berkaitan: etika AI, epistemologi ilmu agama dan Maqasid Syariah; untuk menjelaskan bagaimana AI boleh dimanfaatkan tanpa menghakis autoriti keilmuan, usaha intelektual, hubungan guru-pelajar dan tanggungjawab manusia. Kerangka ini menempatkan AI sebagai wasilah pembelajaran manakala manusia kekal sebagai pihak yang menilai kesahihan, menentukan tujuan pedagogi dan membuat keputusan yang memerlukan pertimbangan agama dan moral.

Bertitik tolak daripada keadaan tersebut, artikel ini membincangkan tiga persoalan utama. Pertama, apakah peranan AI yang munasabah dalam pembelajaran ilmu agama? Kedua, apakah cabaran epistemologi dan pendidikan yang perlu diberi perhatian? Ketiga, bagaimana prinsip Maqasid Syariah boleh digunakan untuk membentuk kerangka etika yang dapat memandu penggunaan AI? Perbincangan ini tidak bertujuan menolak teknologi tetapi mencari kedudukan yang seimbang antara manfaat AI dan keperluan memelihara autoriti ilmu, adab, akal dan maruah manusia.

Sorotan Literatur

AI dalam Pendidikan dan Pembelajaran

Kajian mengenai AI dalam pendidikan menunjukkan bahawa teknologi ini mempunyai beberapa kegunaan yang jelas termasuklah menghasilkan bahan pembelajaran, membantu penyesuaian kandungan mengikut keperluan pelajar dan menyediakan maklum balas yang pantas. Literatur tentang AI dan ChatGPT dalam pendidikan menunjukkan pertumbuhan pesat penyelidikan dalam bidang tersebut. Kasneci et al. (2023) menegaskan bahawa model bahasa besar boleh membantu penghasilan kandungan, interaksi dan personalisasi pembelajaran tetapi manfaat itu perlu disertai literasi AI, pemikiran kritis dan semakan fakta.

Miao et al. (2021) melihat AI sebagai teknologi yang boleh membantu memperluas peluang pendidikan tetapi manfaatnya perlu diseimbangkan dengan risiko seperti ketidaksamaan akses, privasi dan keperluan tadbir urus. Dalam panduan khusus tentang AI generatif, UNESCO (2023) menekankan pendekatan berpusatkan manusia serta keperluan institusi pendidikan menilai kesesuaian pedagogi, etika dan keselamatan penggunaan AI. Prinsip ini penting untuk pembelajaran agama kerana teknologi tidak seharusnya mengambil alih fungsi manusia dalam menentukan tujuan dan nilai pendidikan.

AI dalam Pendidikan Islam dan Pembelajaran Al-Quran

Kajian Amilusholihah dan Ramadhan (2025) menunjukkan bahawa penggunaan AI dalam pendidikan Islam sedang berkembang khususnya dalam konteks pembelajaran yang lebih diperibadikan dan mudah dicapai. Muchlis (2025) turut menunjukkan bahawa AI menawarkan manfaat dalam proses pembelajaran Pendidikan Agama Islam walaupun terdapat cabaran berkaitan cara penggunaan dan kesediaan pengguna. Dapatan ini memberi gambaran bahawa AI lebih sesuai difahami sebagai alat sokongan pembelajaran bukannya pengganti keseluruhan sistem pendidikan.

Dalam konteks Malaysia, kajian Hisham dan Amran (2026) menunjukkan bahawa penggunaan AI dalam pendidikan hadis semakin mendapat perhatian dalam kalangan pelajar prasiswazah. Kajian tersebut juga mengingatkan bahawa pengajian hadis memerlukan rujukan kepada sumber yang sahih dan berautoriti. Sementara itu, Rahman dan Zulkifli (2025) membincangkan potensi AI dalam pengajaran al-Quran di sekolah rendah dan mengenal pasti manfaat dari segi interaktiviti di samping cabaran literasi teknologi guru, kesesuaian kandungan dengan nilai Islam dan kekurangan garis panduan rasmi.

Birgün (2026) memberikan gambaran yang lebih khusus tentang AI dalam pembelajaran al-Quran. Kajian tersebut mendapati aplikasi AI boleh membantu analisis sebutan, pengesanan tajwid dan maklum balas adaptif tetapi masih mempunyai kekurangan dari segi bimbingan pedagogi dan pemindahan dimensi kerohanian. Dapatan ini selari dengan hujah bahawa AI boleh membantu aspek teknikal pembelajaran tetapi tidak boleh menggantikan keseluruhan proses pendidikan al-Quran yang melibatkan guru, pembetulan bacaan, teladan dan pembentukan hubungan dengan ilmu.

AI, Etika dan Maqasid Syariah

Penggunaan AI dalam pendidikan Islam juga perlu dilihat melalui kerangka etika. Taha, Sulaiman dan Ajmain (2025) membincangkan peluang, cabaran dan pertimbangan etika penggunaan ChatGPT dalam Pendidikan Islam dengan memberi perhatian kepada Maqasid Syariah. Pendekatan ini penting kerana ia membolehkan persoalan teknologi dinilai bukan hanya berdasarkan keberkesanan tetapi juga berdasarkan manfaat, kemudahan, tanggungjawab dan kesan terhadap manusia (Akgun & Greenhow, 2022).

Dari perspektif pendidikan Islam, Al-Attas (1995) dan Wan Daud (2003) menyatakan bahawa pendidikan tidak terpisah daripada pembentukan adab. Dalam konteks AI, prinsip tersebut bermaksud pelajar perlu belajar bukan sahaja bagaimana mendapatkan jawapan daripada sistem tetapi juga bagaimana menilai jawapan, mengenal pasti sumber, mengakui batas pengetahuan dan bertanggungjawab terhadap penggunaan maklumat. Dengan kata lain, literasi AI dalam pendidikan agama perlu disepadukan dengan adab keilmuan.

Metodologi

Artikel ini merupakan kajian konseptual yang menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen. Bahan-bahan dianalisis daripada dua kelompok sumber. Kelompok pertama terdiri daripada karya asas berkaitan falsafah dan pendidikan Islam khususnya perbincangan tentang adab, tujuan pendidikan dan kedudukan ilmu. Kelompok kedua terdiri daripada artikel jurnal, tesis dan dokumen institusi yang membincangkan AI dalam pendidikan, pendidikan

Islam, pembelajaran al-Quran serta etika AI. Pendekatan analisis dokumen ini selari dengan prinsip reka bentuk kajian kualitatif yang menekankan pemilihan dan tafsiran bahan secara sistematik (Creswell & Poth, 2018).

Pemilihan sumber dibuat secara purposif berdasarkan empat kriteria utama: (i) mempunyai hubungan langsung dengan fokus artikel iaitu AI dan pembelajaran ilmu agama; (ii) membincangkan sekurang-kurangnya satu daripada dimensi epistemologi, etika, pendidikan Islam, pembelajaran al-Quran atau peranan guru; (iii) mempunyai maklumat bibliografi yang dapat dikesan melalui rekod penerbit, laman jurnal, DOI atau repositori institusi; dan (iv) menyediakan perbincangan yang mencukupi untuk menyokong pembinaan kerangka konseptual.

Analisis dilakukan secara tematik dengan memberi tumpuan kepada empat tema: (i) fungsi AI sebagai alat pembelajaran dan personalisasi; (ii) cabaran epistemologi, termasuk ketepatan maklumat, tabayun dan kebergantungan; (iii) kedudukan guru, autoriti keilmuan, usaha intelektual dan adab keilmuan; dan (iv) prinsip etika berasaskan Maqasid Syariah khususnya pemeliharaan agama, akal, maruah dan kemaslahatan manusia. Dapatan daripada tema-tema tersebut kemudiannya disepadukan untuk membina kerangka konseptual yang menghubungkan fungsi AI dengan batas epistemologi dan prinsip etika dalam pembelajaran ilmu agama.

Perbincangan

AI sebagai Wasilah, Bukan Autoriti Ilmu

Kedudukan AI yang paling selamat dalam pembelajaran ilmu agama ialah sebagai wasilah atau alat sokongan. Pelajar boleh menggunakan AI untuk mendapatkan penerangan awal, menjawab soalan latihan, membandingkan konsep, menyusun nota atau mendapatkan cadangan kata kunci untuk pencarian sumber. Fungsi ini boleh menjadikan proses pembelajaran lebih aktif jika pelajar tetap kembali kepada sumber asal dan membuat semakan sendiri.

Masalah timbul apabila fungsi sokongan tersebut berubah menjadi autoriti. Jawapan AI tidak mempunyai kedudukan yang sama dengan kitab muktabar, fatwa pihak berautoriti, karya ulama atau pengajaran guru yang dapat dipertanggungjawabkan. Model bahasa menghasilkan respons berdasarkan corak data dan arahan pengguna. Ia tidak mempunyai kedudukan sebagai mujtahid atau guru agama. Oleh itu, bagi persoalan hukum, akidah, tafsir atau hadis, AI tidak wajar dijadikan sumber autoritatif dalam penetapan hukum dan fatwa atau tempat terakhir untuk membuat keputusan agama. Perbincangan tentang hukum penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran turut menunjukkan keperluan membezakan fungsi alat AI daripada autoriti penentuan hukum (Md. Sawari & Mat Jubri@Shamsuddin, 2025).

Pendekatan ini juga membantu mengelakkan dua sikap yang bertentangan iaitu menerima AI tanpa kritikan atau menolaknya secara keseluruhan. Yang lebih penting ialah menentukan fungsi yang sesuai. AI boleh mempercepat pencarian dan membantu proses awal pembelajaran akan tetapi pengesahan ilmu, penilaian dalil dan keputusan hukum-hakam agama perlu kembali kepada sumber dan autoriti yang sah.

Personalisasi dan Pembelajaran Kendiri

AI mempunyai kelebihan dari segi interaksi yang fleksibel. Pelajar boleh meminta penjelasan semula, contoh yang lebih mudah, latihan tambahan atau soalan pada tahap yang berbeza. Dalam pendidikan secara umum, personalisasi merupakan antara potensi utama AI dan model bahasa besar (Kasneci et al., 2023). Dalam pendidikan Islam, fungsi ini boleh dimanfaatkan untuk latihan istilah Arab, pengulangan konsep fiqah, kuiz asas, latihan pemahaman teks dan penyusunan nota.

Walau bagaimanapun, personalisasi tidak boleh disamakan dengan bimbingan pendidikan yang lengkap. Sistem AI mungkin dapat menyesuaikan tahap bahasa tetapi ia tidak semestinya memahami latar belakang agama, emosi, kemampuan sebenar atau keperluan tarbiah seseorang pelajar. Guru masih diperlukan untuk menilai perkembangan pelajar secara menyeluruh dan menentukan perkara yang patut dipelajari serta cara mempelajarinya.

Pembelajaran Al-Quran, Hadis dan Bahasa Arab

Penggunaan AI dalam pembelajaran al-Quran merupakan antara bidang yang mempunyai potensi praktikal yang jelas. Pengecaman suara boleh membantu pelajar mengenal pasti kesalahan sebutan atau memberi maklum balas ketika latihan bacaan. Namun, seperti yang ditunjukkan Birgün (2026), keupayaan teknikal tersebut belum mencukupi untuk menggantikan bimbingan pedagogi dan dimensi kerohanian pembelajaran al-Quran.

Dalam pengajian hadis, AI boleh membantu pelajar mencari istilah, membandingkan maklumat dan menjejaki rujukan. Namun, pelajar perlu berhati-hati apabila sistem membuat kesimpulan tentang status hadis, perawi atau maksud teks. Penggunaan AI perlu diikuti dengan semakan kepada sumber hadis dan karya syarahan hadis yang diiktiraf ulama. Dapatan Hisham dan Amran (2026) menguatkan keperluan untuk mengimbangi kemudahan teknologi dengan tuntutan rujukan yang sahih.

Bagi bahasa Arab, AI boleh membantu terjemahan, latihan kosa kata dan pembedaan bahasa. Namun, terjemahan automatik tidak semestinya tepat untuk teks agama kerana satu perkataan boleh berubah makna mengikut konteks, struktur ayat dan istilah disiplin. Oleh itu, penggunaan AI perlu dilihat sebagai bantuan awal yang memudahkan pembelajaran, bukan sebagai pengganti penguasaan bahasa dan pembacaan teks asal.

Cabaran Epistemologi: Siapa yang Menentukan Kebenaran?

Cabaran paling mendasar bukanlah sama ada AI boleh menghasilkan jawapan tetapi bagaimana pengguna menentukan sama ada jawapan itu benar. Dalam ilmu agama, persoalan ini berkait dengan sumber, autoriti, kaedah memahami teks dan disiplin ilmu. AI boleh menyusun jawapan dengan bahasa yang lancar tetapi kelancaran bahasa tidak semestinya membuktikan kesahihan kandungan.

Salah satu masalah yang perlu diberi perhatian ialah halusinasi iaitu keadaan apabila model menghasilkan maklumat yang tidak tepat tetapi dipersembahkan seolah-olah benar. Literatur AI menunjukkan bahawa halusinasi boleh berlaku dalam bentuk ketidakselarasan fakta dan ketidaksetiaan terhadap konteks atau arahan (Huang et al., 2025). Dalam pembelajaran agama,

risiko ini lebih sensitif kerana kesalahan boleh melibatkan nama ulama, petikan kitab, nombor hadis, terjemahan ayat atau hukum.

Oleh itu, tabayun perlu menjadi sebahagian daripada literasi AI. Pelajar perlu membiasakan diri bertanya: Apakah sumbernya? Adakah rujukan itu benar-benar wujud? Adakah teks yang dipetik sepadan dengan sumber asal? Adakah pandangan tersebut mewakili semua ulama atau hanya salah satu pandangan? Soalan seperti ini mengubah penggunaan AI daripada aktiviti menerima jawapan kepada aktiviti menilai ilmu.

Kebergantungan, Kemalasan Kognitif dan Integriti Akademik

Kemudahan AI berpotensi mengurangkan usaha kognitif apabila pelajar menggunakannya untuk mendapatkan jawapan akhir tanpa membaca sumber atau membina hujah sendiri. Risiko ini tidak berpunca daripada AI secara semata-mata tetapi bergantung pada bentuk dan tujuan penggunaannya. Jika AI digunakan untuk menghasilkan keseluruhan tugas yang kemudian diserahkan sebagai kerja sendiri, proses pembelajaran menjadi lemah dan tanggungjawab akademik turut terjejas. Sebaliknya, penggunaan AI untuk menjana soalan, mencabar hujah, memberi maklum balas awal atau membantu menyusun idea boleh digunakan untuk menyokong usaha intelektual pelajar. Pertimbangan ini juga selari dengan perbincangan tentang integriti akademik dan penggunaan model bahasa besar dalam persekitaran akademik (Meyer et al., 2023).

Kasneci et al. (2023) menekankan kepentingan pemikiran kritis dan semakan fakta apabila AI digunakan dalam pendidikan. Dalam konteks pendidikan agama, prinsip tersebut perlu diperluas kepada budaya membaca kitab, menyemak sumber primer dan berdiskusi dengan guru. Pelajar sepatutnya menggunakan AI untuk membuka ruang berfikir, bukan untuk menutup proses berfikir.

Dalam hal ini, pendekatan yang lebih sesuai ialah meminta AI memberikan petunjuk, soalan, kerangka perbincangan atau maklum balas terhadap idea pelajar. Guru pula boleh menetapkan tugas yang memerlukan rujukan kepada kitab, perbandingan pendapat ulama dan penghujahan yang dapat dikesan sumbernya. Dengan cara ini, AI digunakan untuk mengukuhkan pembelajaran, bukan menggantikannya.

Kerangka Etika AI Berasaskan Maqasid Syariah

Maqasid Syariah menyediakan asas yang sesuai untuk menilai penggunaan AI kerana kerangka ini menumpukan perhatian kepada tujuan, manfaat dan kemudaran. Dalam konteks artikel ini, prinsip Maqasid Syariah tidak digunakan untuk mendakwa bahawa semua isu AI telah mempunyai jawapan fiqh yang khusus, akan tetapi sebagai kerangka penilaian etika. Persoalan utama ialah sama ada penggunaan AI membantu mencapai tujuan pendidikan atau sebaliknya menimbulkan mudarat yang lebih besar. Kerangka ini juga bertepatan dengan kefahaman Maqasid Syariah yang menilai tindakan berdasarkan tujuan syariah serta kemaslahatan manusia (Kamali, 2008).

Berdasarkan perbincangan literatur, empat prinsip dicadangkan sebagai asas praktikal. Keempat-empat prinsip tersebut bukan sekadar prinsip “AI yang bertanggungjawab”, tetapi diterjemahkan dalam konteks Maqasid Syariah melalui persoalan tentang apa yang perlu dipelihara: kesahihan agama dan integriti ilmu, kekuatan akal dan usaha intelektual, privasi

serta maruah manusia dan kemaslahatan hubungan pendidikan. Dengan itu, tabayun berkait secara langsung dengan pemeliharaan agama dan akal; perlindungan privasi menyokong pemeliharaan maruah serta kemaslahatan individu manakala agensi manusia menegaskan bahawa pertimbangan pedagogi, moral dan agama kekal berada pada manusia.

Jadual 1: Prinsip Etika Yang Dicadangkan Untuk Penggunaan AI Dalam Pembelajaran Ilmu Agama

Prinsip	Fokus	Amalan Dalam Pembelajaran Agama	Hubungan Dengan Maqasid Syariah
Al-‘Adl (Keadilan dan Akauntabiliti)	Keadilan, ketelusan dan tanggungjawab	Menilai bias, tidak menyembunyikan penggunaan AI dan memastikan akses serta penilaian tidak menzalimi pelajar.	Menyokong kemaslahatan manusia dan keadilan dalam proses pendidikan; turut menyokong pemeliharaan akal melalui penilaian yang telus.
Tabayun	Kesahihan maklumat dan sumber	Menyemak ayat, hadis, hukum, nama ulama dan petikan kitab pada sumber asal sebelum digunakan.	Hifz al-Din dan Hifz al-‘Aql: memelihara integriti ilmu agama serta memastikan usaha intelektual berasaskan sumber yang sahih.
Perlindungan Privasi	Perlindungan data dan maklumat pengguna	Tidak memasukkan maklumat peribadi, rekod pelajar atau bahan sulit ke dalam sistem AI tanpa pertimbangan dan kebenaran yang sewajarnya.	Menyokong pemeliharaan maruah manusia dan kemaslahatan individu khususnya daripada pendedahan maklumat yang boleh memudaratkan.
Hifz ‘Izzah al-Insan dan Agensi Manusia	Kedudukan manusia sebagai pengarah proses pendidikan	AI membantu kerja manusia tetapi keputusan pedagogi, bimbingan agama dan tanggungjawab akhir kekal pada manusia (guru).	Menyokong pemeliharaan Hifz al-‘Aql, maruah dan kemaslahatan manusia dengan mengekalkan kuasa pertimbangan serta tanggungjawab moral pada manusia.

Sumber: Analisis konseptual penulis berdasarkan Al-Attas (1995), Wan Daud (2003), UNESCO (2023) dan Taha et al. (2025).

Pemeliharaan Agama (Hifz al-Din)

Pemeliharaan agama dalam konteks AI bermaksud kandungan yang digunakan untuk pembelajaran tidak boleh dibiarkan tanpa semakan. AI boleh membantu menjelaskan sesuatu konsep tetapi teks al-Quran, hadis, fatwa dan pandangan ulama perlu dirujuk kepada sumber yang berautoriti. Ini amat penting apabila AI digunakan untuk menjawab persoalan yang mempunyai perbezaan pandangan dalam kalangan ulama.

Prinsip ini juga menuntut guru mengajar pelajar cara mengenal pasti sumber yang boleh dipercayai. Jika pelajar hanya belajar dengan cara bertanya kepada *chatbot*, mereka mungkin mengetahui jawapan tetapi tidak mengetahui dari mana jawapan itu datang. Pendidikan agama sepatutnya menghasilkan pelajar yang mampu menelusuri dalil dan sumber, bukan sekadar pengguna dan penerima jawapan semata-mata.

Pemeliharaan Akal (Hifz al-'Aql)

AI sepatutnya menguatkan daya fikir bukan mengambil alih kekuatan akal. Pelajar perlu digalakkan membandingkan jawapan AI dengan sumber primer, mengenal pasti percanggahan dan membina hujah sendiri. Pendekatan ini selari dengan seruan UNESCO (2023) agar penggunaan AI dalam pendidikan mengekalkan agensi manusia dan tidak menjadikan teknologi sebagai penentu utama proses pembelajaran.

Dalam amalan bilik darjah, guru boleh menetapkan beberapa tahap penggunaan AI misalnya penggunaan untuk idea awal, penggunaan untuk mendapatkan soalan, penggunaan untuk semakan bahasa dan penggunaan untuk maklum balas. Penghasilan jawapan akhir pula perlu memerlukan hujah dan rujukan pelajar sendiri. Pendekatan ini menjadikan AI sebagai alat latihan intelektual.

Privasi dan Maruah Manusia

Isu privasi perlu difahami bukan semata-mata sebagai isu teknikal, tetapi sebagai amanah terhadap maklumat pelajar dan sebahagian daripada pemeliharaan maruah serta kemaslahatan manusia. UNESCO (2023) menekankan perlindungan data dan pendekatan berpusatkan manusia dalam penggunaan AI generatif. Dalam pendidikan agama, perhatian terhadap privasi menjadi lebih penting apabila perbualan pelajar dengan AI mungkin mengandungi masalah peribadi, persoalan keluarga atau perkara berkaitan kehidupan beragama.

Pada masa yang sama, AI tidak sepatutnya mengurangkan tugas guru kepada sekadar pengendali teknologi. Hubungan guru dan pelajar mempunyai unsur bimbingan, teladan, motivasi dan pertimbangan manusia yang tidak dapat disamakan dengan respons automatik. AI boleh mengurangkan beban kerja tertentu tetapi hubungan pendidikan tetap memerlukan manusia. Dari sudut Maqasid Syariah, pemeliharaan hubungan tersebut membantu memastikan teknologi menyokong, bukannya menggantikan, maruah, agensi dan kemaslahatan manusia dalam proses pendidikan.

Implikasi Terhadap Institusi dan Pendidik

Institusi pendidikan perlu bergerak daripada pendekatan 'larang atau benarkan' kepada pendekatan yang lebih terperinci. Dasar penggunaan AI perlu menjelaskan tujuan penggunaan,

bentuk penggunaan yang dibenarkan, keperluan pengisytiharan penggunaan AI, kaedah menyemak fakta dan batasan bagi tugas tertentu. UNESCO (2023) menekankan bahawa tadbir urus dan pembangunan kapasiti manusia perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi.

Bagi Pendidikan Islam, garis panduan institusi perlu memasukkan perkara yang lebih khusus seperti larangan menjadikan AI sebagai sumber autoritatif dalam penetapan hukum dan fatwa, keperluan menyemak teks al-Quran dan hadis, keperluan merujuk kitab atau sumber akademik yang asal, pengisytiharan penggunaan AI bagi tugas tertentu, serta tanggungjawab guru dalam memantau penggunaan AI. Pelajar juga perlu diajar bahawa 'jawapan yang kelihatan meyakinkan' tidak sama dengan 'jawapan yang sah'.

Latihan profesional guru perlu merangkumi dua bidang sekali gus iaitu literasi teknologi dan literasi epistemologi. Guru perlu tahu cara menggunakan AI, tetapi lebih penting, guru perlu tahu cara mengenal pasti kelemahan AI dan mengajar pelajar melakukan semakan. Dalam konteks ini, guru berfungsi sebagai pengantara antara teknologi, sumber ilmu dan keperluan pelajar.

Cadangan Kerangka Pelaksanaan

Pertama, institusi perlu menetapkan penggunaan AI berdasarkan tujuan pembelajaran. AI boleh digunakan apabila ia benar-benar membantu proses pembelajaran dan bukan sekadar mempercepatkan penghasilan tugas.

Kedua, setiap penggunaan AI untuk kandungan agama perlu disertai proses verifikasi. Pelajar hendaklah menyemak sumber asal dan merekodkan rujukan yang digunakan. Untuk tugas yang melibatkan ayat al-Quran, hadis, fatwa atau pandangan ulama, semakan sumber primer perlu dijadikan sebahagian daripada rubrik penilaian.

Ketiga, penilaian perlu memberi ruang kepada kerja yang sukar digantikan oleh AI seperti pembentangan lisan, perbincangan, analisis teks, refleksi, pembacaan kitab dan penghujahan. Ini dapat memastikan pelajar benar-benar memahami ilmu yang dipelajari.

Keempat, institusi perlu menyediakan latihan kepada pensyarah dan guru supaya mereka dapat menilai penggunaan AI secara adil. Pendekatan ini lebih realistik daripada cuba menghapuskan penggunaan AI yang pada hakikatnya sudah menjadi sebahagian daripada ekosistem pembelajaran pada masa kini.

Keterbatasan Kajian dan Cadangan Penyelidikan Lanjutan

Kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan. Pertama, ia merupakan analisis konseptual dan tidak menggunakan data empirikal daripada pelajar, guru atau institusi. Oleh itu, kerangka yang dicadangkan belum mengukur keberkesanan setiap prinsip secara lapangan. Kedua, literatur AI berubah dengan pantas dan perkembangan model baharu boleh mengubah bentuk risiko serta amalan penggunaan. Ketiga, perbincangan artikel memberi tumpuan kepada pembelajaran ilmu agama dan tidak merangkumi semua cabang pengajian Islam secara mendalam. Penyelidikan akan datang boleh menguji kerangka ini melalui temu bual dengan pendidik, kajian kes institusi, tinjauan pelajar atau reka bentuk campuran bagi menilai bagaimana prinsip tabayun, autoriti guru, privasi dan agensi manusia dilaksanakan dalam situasi sebenar.

Dalam kajian lanjutan, dimensi yang dicadangkan juga boleh diuji secara empirikal bagi menilai sama ada penggunaan AI yang berorientasikan tabayun, bimbingan guru dan usaha intelektual benar-benar menyokong hasil pembelajaran tanpa menjejaskan integriti ilmu dan agensi manusia. Dengan itu, kerangka Maqasid Syariah yang dicadangkan dalam artikel ini boleh dikembangkan daripada kerangka normatif-konseptual kepada instrumen penilaian yang lebih operasional.

Kesimpulan

AI mempunyai potensi yang besar untuk menyokong pembelajaran ilmu agama. Teknologi ini boleh membantu pelajar mendapatkan penerangan, mengulang latihan, menyusun maklumat, memperbaiki bahasa dan menyokong beberapa aspek pembelajaran al-Quran dan hadis. Namun, nilai pedagogi AI bergantung kepada cara, tujuan dan batas penggunaannya. Teknologi ini tidak seharusnya dianggap secara intrinsik memudaratkan, dan pada masa yang sama tidak wajar diberikan kedudukan sebagai pengganti guru atau sumber autoritatif dalam penetapan hukum dan fatwa.

Cabaran yang paling penting ialah cabaran epistemologi: bagaimana pelajar mengetahui bahawa maklumat yang diterima itu benar, dari mana sumbernya dan siapakah yang mempunyai autoriti untuk menilai serta menetapkannya? Dalam hal ini, tabayun, semakan sumber dan bimbingan guru perlu menjadi sebahagian daripada literasi AI. Risiko halusinasi, bias dan kebergantungan berlebihan menunjukkan bahawa literasi AI tidak boleh dipisahkan daripada literasi ilmu, tetapi risiko tersebut perlu dinilai berdasarkan corak penggunaan dan konteks pembelajaran.

Kerangka yang dicadangkan dalam artikel ini mengintegrasikan empat prinsip: keadilan dan akauntabiliti, tabayun, perlindungan privasi serta pemeliharaan maruah dan agensi manusia dengan Maqasid Syariah. Hubungan ini diperjelas melalui pemeliharaan agama dan integriti ilmu, pemeliharaan akal dan usaha intelektual, perlindungan maruah serta kemaslahatan manusia. Sumbangan utama kerangka ini terletak pada penyepaduan etika AI dengan epistemologi ilmu agama, bukan sekadar pada seruan penggunaan AI secara bertanggungjawab. Dalam pelaksanaannya, AI wajar kekal sebagai wasilah; guru, sumber ilmu yang sahih dan tanggungjawab manusia pula menjadi asas yang menentukan arah penggunaannya.

Dengan pendekatan tersebut, perbincangan tentang AI dalam pendidikan Islam tidak lagi perlu terperangkap antara dua pilihan yang ekstrem iaitu sama ada menerima teknologi tanpa syarat atau menolaknya secara keseluruhan. Yang lebih penting ialah membina budaya penggunaan AI yang kritis, beradab, bertanggungjawab dan berpandukan tujuan pendidikan Islam. Kerangka ini menghubungkan kesahihan ilmu, usaha intelektual, maruah manusia dan tanggungjawab pedagogi sebagai pertimbangan yang saling melengkapi.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Malaysia atas peluang dan sokongan penyelidikan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini dijalankan di bawah Tabung Penyelidikan Am.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Malaysia.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE).
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Penulis 1 (Siti Aisyah Yusof) & 2 (Muhammad Saiful Islami Mohd Taher)] bertanggungjawab terhadap pengkonsepian, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. [Penulis 1 (Siti Aisyah Yusof) & 2 (Muhammad Saiful Islami Mohd Taher)] mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. [Penulis 3 (Ahmad Yumni Abu Bakar), 4 (Daing Maruak Sadek) & 5 (Mohd Shamsul Hakim Abd Samad)] menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Akgun, S., & Greenhow, C. (2022). Artificial intelligence in education: Addressing ethical challenges in K–12 settings. *AI and Ethics*, 2, 431–440. <https://doi.org/10.1007/s43681-021-00096-7>
- Al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Amilusholihah, A., & Ramadhan, N. J. H. (2025). Exploring the implementation of artificial intelligence in Islamic education: A systematic literature review. *Ngaji: Jurnal Pendidikan Islam*, 5(1), 3–17. <https://doi.org/10.24260/ngaji.v5i1.95>
- Birgün, M. (2026). Integrating AI into Qur'an learning: Technical advances and pedagogical gaps. *Social Sciences & Humanities Open*, 13, 102499. <https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2026.102499>
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Huang, L., Yu, W., Ma, W., Zhong, W., Feng, Z., Wang, H., Chen, Q., Peng, W., Feng, X., Qin, B., & Liu, T. (2025). A survey on hallucination in large language models: Principles, taxonomy, challenges, and open questions. *ACM Transactions on Information Systems*, 43(2), Article 42. <https://doi.org/10.1145/3703155>
- Hisham, N. H. A. S., & Amran, N. N. (2026). Trend penggunaan kecerdasan buatan dalam pendidikan hadis dalam kalangan pelajar prasiswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 19(1), 228–242. <https://doi.org/10.53840/kprtnv41>
- Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah law: An introduction*. Oneworld Publications.
- Kasneci, E., Sessler, K., Küchemann, S., Bannert, M., Dementieva, D., Fischer, F., Gasser, U., Groh, G., Günemann, S., Hüllermeier, E., Krusche, S., Kutyniok, G., Michaeli, T., Nerdel, C., Pfeffer, J., Poquet, O., Sailer, M., Schmidt, A., Seidel, T., ... Kasneci, G. (2023). ChatGPT for good? On opportunities and challenges of large language models for education. *Learning and Individual Differences*, 103, 102274. <https://doi.org/10.1016/j.lindif.2023.102274>
- Md. Sawari, M. F., & Mat Jubri@Shamsuddin, M. (2025). Islamic ruling on using artificial intelligence in teaching and learning: AI chatbots as a case study. *International Journal of Fiqh and Usul al-Fiqh Studies*, 9(3), 60–72. <https://doi.org/10.31436/ijfus.v9i3.401>
- Meyer, J. G., Urbanowicz, R. J., Martin, P. C. N., O'Connor, K., Li, R., Peng, P.-C., Bright, T. J., Tatonetti, N., Won, K. J., Gonzalez-Hernandez, G., & Moore, J. H. (2023). ChatGPT and large language models in academia: Opportunities and challenges. *BioData Mining*, 16, 20. <https://doi.org/10.1186/s13040-023-00339-9>
- Miao, F., Holmes, W., Huang, R., & Zhang, H. (2021). *AI and education: Guidance for policy-makers*. UNESCO. <https://doi.org/10.54675/PCSP7350>
- Muchlis, M. (2025). Penggunaan artificial intelligence (AI) dalam pembelajaran Pendidikan Agama Islam: Manfaat dan tantangan. *KREATIF: Jurnal Studi Pemikiran Pendidikan Agama Islam*, 23(1), 100–109. <https://doi.org/10.52266/kreatif.v23i1.3518>
- Rahman, T. F. N. T. A., & Zulkifli, H. (2025). Penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pengajaran bidang al-Quran di sekolah rendah: Satu tinjauan literatur. *International Journal of Modern Education*, 7(28), 238–252. <https://doi.org/10.35631/IJMOE.728019>
- Taha, J. Z. A., Sulaiman, S. Z., & Ajmain@Jima'ain, M. T. (2025). The use of artificial intelligence (ChatGPT) in Islamic education: An analysis of challenges, opportunities,

- and ethical considerations based on Maqasid Shariah. *Journal of Research, Innovation, and Strategies for Education (RISE)*, 2(3), 35–46. <https://doi.org/10.70148/rise.v2i3.3>
- UNESCO. (2023). *Guidance for generative AI in education and research*. UNESCO. <https://doi.org/10.54675/EWZM9535>
- Wan Daud, W. M. N. (2003). *Filsafat dan praktik pendidikan Islam* Syed M. Naquib Al-Attas. Mizan